



**SIARAN AKHBARINI DIEMBARGO HINGGA  
6.00PETANG, SABTU, 9 SEPTEMBER 2017  
(SILA SEMAK SELEPAS UCAPAN)**

**UCAPAN ENCIK MASAGOS ZULKIFLI MASAGOS MOHAMAD,  
MENTERI SEKITARAN DAN SUMBER AIR,  
DI MAJLIS PELANCARAN BULAN BAHASA 2017,  
SABTU, 9 SEPTEMBER,  
DI TAMAN WARISAN MELAYU**

Setiausaha Parlimen Kanan  
Profesor Madya Dr Muhammad Faishal Ibrahim,  
Pengerusi Majlis Bahasa Melayu Singapura

Puan Rahayu Mahzam,  
Pengerusi Jawatankuasa Bulan Bahasa 2017

Para tamu yang dihormati

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian

**PENGENALAN**

1. Terima kasih kepada para pelajar Politeknik Temasek dan NAFA atas tarian sambutan yang meriah tadi.



***Ke Kampung Jawa mencari benang,***

***Untuk menyulam sehelai kasa;***

***Tempat jatuh lagi dikenang,***

***Inikan pula Bulan Bahasa.***

2. Saya berasa gembira sekali kerana dapat bersama hadirin sekalian petang ini melancarkan Bulan Bahasa 2017 – Bulan Bahasa milik kita bersama.
  
3. Bahasa Melayu sangat dekat dengan hati saya. Sebagai mantan Pengerusi Majlis Bahasa Melayu Singapura, saya sangat teruja dapat kembali bersama untuk sambutan hari ini. Tambahan pula, Majlis Pelancaran Bulan Bahasa kali ini diadakan di Taman Warisan Melayu – satu tempat yang kita harus lestarikan kerana ia mengingatkan kita pada sejarah moden Singapura.



## KEPIMPINAN DAN PENGGEMBLENGAN TENAGA

4. Syabas saya ucapan kepada Profesor Madya Dr Faishal Ibrahim yang telah memimpin Majlis Bahasa Melayu Singapura dan juga kepada Puan Rahayu Mahzam yang telah tekun berusaha untuk mengembangkan lagi Bulan Bahasa sebagai wadah untuk menggalakkan penggunaan bahasa Melayu. Dengan perubahan landskap bahasa di Singapura, tugas untuk menggalakkan dan mengembangkan bahasa Melayu semakin mencabar. Walau bagaimanapun, mereka telah melaksanakan tanggungjawab mereka dengan baik sekali. Terimakasih juga kepada persatuan-persatuan Melayu Islam Singapura dan Persatuan Pelajar di institut-institut pengajian tinggi yang telah sekian lama menyokong Bulan Bahasa dengan berbagai program kebahasaan, malah menjalankan program-program tersebut sepanjang tahun, tidak terhad kepada Bulan Bahasa saja.



5. Pada tahun 2014 pula, apabila sambutan Bulan Bahasa dihidupkan di kawasan estet perumahan, hanya Jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu (MAEC) Tampines dan Jurong menyertai sambutan Bulan Bahasa ketika itu untuk merayakan Bulan Bahasa bersama di peringkat GRC. Kini, saya bangga melihat lima estet kediaman, termasuk Sembawang, Nee Soon dan Chua Chu Kang juga mengambil bahagian di peringkat GRC untuk bersama dalam acara ini – sekaligus menyemarakkan lagi perayaan yang benar-benar terasa meriahnya sepanjang Bulan Bahasa.
  
6. Sebagai penasihat Majlis Penyelaras Jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu (MESRA), saya gembira kerana MAEC terus menyokong usaha meluaskan sambutan Bulan Bahasa ke estet-estet perumahan yang lain. Tahun ini, lebih daripada 25 MAEC turut serta menganjurkan kegiatan Bulan Bahasa. Perkembangan ini sangat memberangsangkan. Malah saya ingin menggalakkan lebih banyak lagi MAEC turut serta memberi sokongan kepada usaha ini agar bahasa Melayu dapat sama dirayakan dan kekal relevan dalam masyarakat kita.



7. Kini, semakin bertambah sokongan untuk merayakan dan menggalakkan penggunaan bahasa Melayu. Terima kasih saya ucapkan kepada pihak kementerian dan agensi pemerintah seperti Kementerian Pendidikan (MOE), Kementerian Perhubungan dan Penerangan (MCI), Kementerian Kebudayaan, Masyarakat dan Belia (MCCY), Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan Penggunaan Bahasa Melayu (MLLPC), Lembaga Perpustakaan Negara (NLB), Majlis Seni Kebangsaan (NAC) dan Lembaga Warisan Negara (NHB) yang telah menggembungkan tenaga untuk menggalakkan penggunaan Bahasa Kebangsaan kita – apa yang saya sifatkan sebagai “muafakat membawa berkat.”

## **BAHASA KEBANGSAAN DAN ANYAMAN WARISAN MELAYU**

8. Hadirin sekalian, pada perayaan ulang tahun MESRA ke-40 baru-baru ini, saya telah meluahkan keprihatinan saya tentang ancaman fahaman Islam yang tegar yang boleh membawa masyarakat kita kepada sikap ekstrim dan eksklusif.



Lebih berbahaya jika ia mendorong mereka ke lembah pengganasan demi menyokong perjuangan ISIS dan al Qaeda. Sebagai umat Islam, kita faham bahawa Islam mengajar umatnya untuk bersikap moderat. Malah pengajarannya sesuai dengan budaya hidup dan sekitaran yang kita diami dan sebaliknya, tidak perlu meniru budaya dan bahasa bangsa asalnya. “Di mana bumi dipijak, di situlah langit dijunjung.” Begitulah sifat orang Melayu/Islam Singapura hingga diakui rakan pembina negara yang harmoni sehaluan dengan kaum lain di negara kita. Ini pula meletakkan tanggungjawab khusus kepada MESRA untuk membimbing masyarakat kita agar jangan lupa pada proses integrasi dengan masyarakat Singapura amnya, sedang para ulama kita sibuk membimbing masyarakat supaya bersauh moral dengan fahaman agama yang benar. Saya gembira atas kesedaran para ulama setempat tentang perlunya ada keseimbangan cara mempraktikkan agama Islam dengan keperluan masyarakat Melayu/Islam di Singapura ini.



9. Dalam kesempatan ini pula, saya ingin menyampaikan keprihatinan saya tentang satu lagi ancaman kepada budaya hidup kita. Jika pengaruh keagamaan asing walau dari Timur Tengah boleh menjadikan kita masyarakat yang tegar atau kaku jika tidak mengambil kira konteks dan budaya kita, maka tarikan gaya popular dari barat boleh melekakan kita sambil menanam sifat liberal dalam diri kita. Akhirnya kita boleh meremehkan pegangan dan panduan agama serta nilai budaya kita. Ini termasuk pegangan dan falsafah hidup ala Barat yang menekankan perjuangan hak asasi manusia dan kebebasan bersuara tanpa batas. Jika kecintaan dan kecenderungan kepada budaya Melayu sendiri diabaikan, maka semakin ramai anggota masyarakat kita akan mudah terpengaruh dengan nilai-nilai asing yang dibawa oleh sesetengah bangsa kita sendiri yang terpengaruh dengan gaya kehidupan budaya asing tersebut. Ini sama seperti proses penyemaian agama yang tegar; kerana ia adalah asing dari pegangan kita di sini, ia sering diiringi dengan pembidasan amalan budaya kita untuk menggantikannya dengan budaya Timur Tengah yang dianggap lebih Islami.



10. Maka tidak hairanlah jika kita pernah terbaca perbahasan di media Internet yang ditonjolkan secara kasar dan kurang sopan atas alasan kebebasan bersuara dan pemikiran terbuka – yang kadangkala dipaparkan dalam bentuk sastera dan pementasan. Dalam isu hak asasi manusia ala barat pula, hak individu menjadi teras utama hingga kepentingan dan pengangan umum pun boleh dilanggar. Ia bercampur aduk dengan pelbagai urusan seperti kebajikan, kebebasan kelakuan dalam hal perhubungan antara jantina dan hak penjenayah. Yang jelas, prinsip orang Timur sering diremehkan oleh mereka kerana dikatakan keterbelakang dan kuno.
  
11. Kita mesti yakin pada adab dan budaya Melayu kita. Ia kaya dengan jati diri orang timur. Kerana bahasa ialah pengantara utama budaya kita, menjaga budaya kita bermakna kita mesti mempertahankan penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan masyarakat kita.



Jelaslah budaya kita tidak akan hidup segar jika kita sendiri tidak menghormati bahasa kita dan tidak menggunakannya apabila peluang tersedia. Oleh sebab itulah sering dikatakan “Bahasa Jiwa Bangsa”. Tanpa bahasa, jiwa bangsa kita akan mati.

12. Sebaliknya, jika bahasa dan budaya Melayu kita luhur, percubaan untuk menggalakkan trend budaya yang begitu sumbang nilainya, tanpa adab dan kesantunan yang dipaparkan sama ada melalui lirik lagu mahupun sesuatu pementasan, masyarakat sendiri akan terasa janggal dan kekok untuk menerimanya. Begitulah besarnya peranan bahasa Melayu dalam menanam nilai murni dalam jiwa orang Melayu, hingga fahaman agama asing yang cuba mengenengahkan sikap kasar pun akan ditolak, inikan pula kehidupan budaya asing yang tidak sesuai dengan nilai ketimuran Melayu dan pegangan agama Islam. Sesuailah dengan pesanan pendeta kita: “Adat dikendong, Budaya disanjung, Agama dijunjung;” dan tambahan dari saya, Bahasa mendukung!



## **TEMA BULAN BAHASA – ILMU, BUDAYA, MESRA**

**Para Hadirin Sekalian,**

13. Tema Bulan Bahasa nampaknya kekal bertahun-tahun lamanya: Bahasa ilmu, budaya, mesra. Saya menyeru tiga golongan masyarakat untuk sama mendukung usaha melestarikan bahasa kita: iaitu para ulama kita, guru bahasa kita, dan ibu-bapa.
  
14. Pemahaman bahasa Melayu kita dapat ditingkatkan apabila kita menimba pelbagai ilmu dalam bahasa Melayu. Itulah bahasa Melayu, bahasa Ilmu. Juga perantara ketika menyampaikan ajaran agama. Pada hemat saya bahasa kitalah bahasa perantaraan yang sesuai menanam kesucian kerohanian – justeru kelembutan watak orang Melayu yang cukup terkenal. Lantas, saya menyeru ahli agama kita memikirkan bagaimana kita dapat meningkatkan penggunaan bahasa kita dalam usaha kita menanam kerohanian beragama sebagai satu pendekatan pedagogi agama.



Ini mempertahankan penggunaan bahasa Melayu dalam suasana keagamaan yang sudah menjadi satu kebiasaan dan kelaziman bagi semua selama ini. Tanpa pengantaraan bahasa, hilanglah juga pengaruh budaya pada warna agama yang dibawa di sini. Malah budaya asing pula akan mengambil tempat budaya kita hingga kita mudah diancam pengangan agama yang tegar.

15. Golongan kedua, iaitu guru-guru bahasa kita: Kita dapat menghayati budaya Melayu yang indah lagi berseni apabila kita menikmatinya dalam bahasa Melayu. Itulah bahasa Melayu, bahasa Budaya. Guru-guru bahasa memainkan peranan penting untuk membina jiwa budaya Melayu, dan bukan setakat mengajar anak-anak kita belajar bahasa Melayu. Saya menyeru pada guru-guru supaya menyemai cinta akan bahasa kita, kerana andalah pemangkin proses penghayatan bahasa dalam kalangan pelajar anda. Justeru, tingkatkan peluang bagi pelajar anda untuk menyemai minat dan mengamalkan penggunaan bahasa.



Dalam hal ini, pihak MESRA siap bekerjasama dengan guru-guru sekolah untuk menganjurkan bersama program-program di luar sekolah kerana ini satu cara menjadikan penggunaan bahasa Melayu itu realistik apabila ia banyak digunakan di luar darjah.

16. Bagi ibu bapa pula, kita perlu yakin bahawa penuturan bahasa ibunda di rumah tidak akan mengurangkan kemampuan pembelajaran ilmu lain di sekolah. Malah kita harus faham bagaimana bahasa kita berkait rapat dengan perwatakan dan adab kesopanan seseorang, serta dapat menanam ciri-ciri kesantunan, kelembutan dan nilai murni orang Melayu ketika berhubungan sesama kita. Itulah bahasa Melayu, bahasa yang melambangkan kemesraan dan kesantunan jiwa.
  
17. Ketiga-tiga golongan tersebut, semua pewaris penting dan penerus bahasa Melayu yang kritikal. Ini kerana mereka lah yang boleh mengekalkan penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan masyarakat kita.



Sudah menjadi tugas kita untuk memelihara dan melestarikannya agar kita dapat mewariskannya kepada generasi seterusnya. Kita mestilah mewujudkan peluang sebanyak-banyaknya supaya bahasa kita digunakan dan didengar oleh anak-anak kita dan masyarakat kita. Ia pula diindahkan dengan ungkapan kata, secara sopan dan mendidik hingga membina jati diri kita sebagai orang Melayu. Dengan itu, dapatlah kita memenuhi tanggungjawab membimbing anak kita, berlandaskan bahasa dan budaya orang Melayu.

## PENUTUP

18. Saudara saudari yang budiman, saya akhiri ucapan saya dengan pesanan Pendeta masyhur kita, Allahyarham Dr Muhammad Ariff Ahmad yang dirakamkan dalam buku Yang Terukir, Bahasa dan Persuratan Melayu:

*“Saya harap orang Melayu tidak malu bercakap Melayu, terutama yang berkedudukan tinggi”* – satu pesanan yang harus bersama kita pegang.



Ujar beliau lagi:

*“Saya tabik kita sudah maju dalam hal Bulan Bahasa. Tetapi, kemajuan macam Hari Raya sahaja. Saya tak hendak setakat itu sahaja. Kalau dalam soal bahasa, saya hendak supaya semua orang dapat menikmati bahasa. Kalau dia gunakan bahasa itu, dia tahu apa yang dia cakapkan. Bukan hanya macam burung Nuri – dia bertenggek, pandai bercerita sahaja.”*

19. Begitulah keresahan Allahyarham. Supaya kita tidak hanya menjadikan Bulan Bahasa hanya sekadar satu perayaan literati bahasa, yang diadakan saban tahun. Semeriah manapun, kita harus peka masyarakat kita semakin kurang menggunakannya. Marilah, para ulama, guru-guru bahasa dan ibu-bapa bersama-sama menghidupkan bahasa Melayu kerana peluang itu ada di masjid, di sekolah dan di rumah. Janganlah sampai bahasa Melayu kita yang telah lama kita gunakan diganti dengan bahasa asing kerana kita sendiri kurang menggunakannya.



Jika ia berlaku, budaya dan cara hidup kita juga nanti dikhuatiri bakal dicorakkan oleh budaya asing tersebut. Tanpa bendungan budaya, pegangan agama kita diancam sikap agama tegar dan melampau. Tanpa sandaran budaya dan agama pula, kita akan menjadi masyarakat yang melampau dalam sikap liberal pula. Waspadalah. Marilah kita bersama hidupkan bahasa kita sesuai dengan cogan kata Bulan Bahasa: “Bahasa kita, gunakanlah.” Kalau tak kita, siapa lagi.

20. Sekian, terima kasih.